

UMT ungguli Futsal Maksak 2008

SH 09/04/08 Pg T23

Walaupun diberisi pemain yang baru pertama kali mengenali sukan futsal, mereka tetap mampu memberikan persembahan bertenaga untuk mengetepikan saingan empat pasukan lain yang turut mengambil bahagian.

■ BHARUDDIN SULONG

KUALA TERENGGANU – Siapa sangka penyertaan kali pertama skuad wanita Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada Kejohanan Futsal Majlis Kebajikan dan Sukan (Maksak) Peringkat Negeri Terengganu 2008 kelmarin berjaya membuahkan hasil yang amat membanggakan.

Walaupun diberisi pemain yang baru pertama kali mengenali sukan futsal, mereka tetap mampu memberikan persembahan bertenaga untuk mengetepikan saingan

empat pasukan lain yang turut mengambil bahagian pada kejohanan anjuran Maksak Terengganu dengan kerjasama Kelab Wisma Darul Iman itu.

Pada perlawanan akhir menentang pasukan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Sports Planet, Gong Badak, UMT beraksi garang menewaskan saingannya dengan kelebihan 1-0, selain mencatatkan satu kemenangan dan dua seri untuk mengumpul jalan mata keseluruhan mengikut kiraan mata secara round robin itu.

Selaku juara, UMT berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM700, sementara naib juara yang disandang Kelab Wisma Darul Iman memenangi RM500.

ILP yang menduduki tempat ketiga pula sekadar berpuas hati meraih wang tunai RM300.

Sementara itu, pengurus pasukan UMT, Napisah Abd. Rahman berkata, oleh sebab ti-

dak mempunyai pasukan futsal sendiri sebelum ini, dia terpaksa mengambil pemain secara rawak sahaja untuk melengkapkan kuota pasukan bagi menghadapi kejohanan tersebut.

“Ini merupakan pengalaman pertama mereka bermain futsal dan saya amat terkejut apabila mereka berjaya mengaplikasikan latihan yang dibuat selama lima hari sebelum berlangsungnya kejohanan dengan begitu baik.

“Rahsianya mungkin terletak kepada semangat pemain yang tinggi, selain persefahaman antara mereka yang cukup mantap sepanjang tiga hari berlangsungnya kejohanan ini,” katanya kepada **Sinar Harian**.

Menurut Napisah lagi, selepas ini, anak buahnya yang mendapat bimbingan jurulatih, Fadli Mamat akan berusaha memperbaiki kelemahan dalam permainan sebagai persediaan mewakili Terengganu pada kejohanan peringkat ke-



Pasukan UMT bergambar bersama replika cek yang dimenangi selepas majlis penyampaian hadiah, kelmarin.

bangsaan di Sarawak mulai 5 hingga 9 Mei depan.

“Saingan dijangkakan me-

mang cukup sengit tetapi kami akan berusaha memberikan persembahan terbaik bagi mem-

bawa pulang kejuaraan sulung Terengganu pada kejohanan itu kelak,” katanya.